



Mudahnya masuk perangkap scammer

Dalam peredaran zaman yang semakin canggih dari segi teknologi, tidak dinafikan wujud pihak mengambil kesempatan mengaut untung mudah dengan cara salah.

Pelbagai modus operandi digunakan, ada yang menyamar sebagai agensi penguat kuasa seperti polis, kastam serta pegawai bank dengan menakut-nakutkan agar wang segera dipindahkan. Ada yang menyamar sebagai bomoh hingga mangsa menggadai wang serta tubuh.

Selain itu, wujud juga sindiket penipuan didalangi warga asing yang kononnya menagih cinta walhal itu sekadar janji manis semata-mata.

Peliknya, bagaimana penipuan ini terus berlaku? Adakah sebab masyarakat kita tidak cerdik atau hidup terlalu sunyi hingga mudah jatuh cinta hanya melalui laman Facebook?

Percaya atau tidak, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman, Datuk Mazlan Mansor mendedahkan, kerugian yang dialami mangsa dicatatkan pada 2017 dan 2018 mencecah RM1.5 billion hingga RM2 billion.

Scammer semakin berani

"Ini merupakan angka yang sangat besar dan angka ini tidak mencatatkan penurunan kerana masyarakat kita mudah terpedaya.

"Banyak kes-kes jenayah komersil yang sering dilaporkan antaranya belian online, Macau Scam, African Scam, Tipu Pelaburan dan Pinjaman Tak Wujud," katanya dalam wawancara khas bersama **WARTAWAN SINAR HARIAN** baru-baru ini.

Mazlan berkata, pelaku scammer pada hari ini semakin berani apabila melalui satu panggilan telefon ditambah dengan tutur bicara meyakinkan, membuatkan mangsa beranggapan situasi itu perkara sebenar.

"Tapi bagi mangsa yang tidak melayan, sindiket akan tutup panggilan tersebut. Sebaliknya, siapa yang melayan akan terus ditipu

hingga terpedaya," katanya.

Berhubung pembabitan 'keldai' akaun warga tempatan dalam kes penipuan, Mazlan memberitahu, berdasarkan maklumat, mereka yang terlibat sebagai 'keldai' akaun ini adalah mereka yang terdesak memerlukan pekerjaan atau memerlukan wang antaranya seperti penagih dadah.

Namun begitu katanya, ada segelintir pemilik akaun yang sememangnya diupah untuk membuat akaun dengan bayaran RM50 hingga RM250 bagi setiap akaun.

"Orang ramai yang was-was dengan tawaran sindiket yang memberikan nombor akaun untuk tujuan pemindahan wang dan seumpamanya, mereka boleh semak melalui <http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/> bagi melihat sama ada akaun itu pernah disiasat atau sebaliknya," katanya.

Ketika ditanya mengapa sindiket scammer ini dilihat sering bersilih-ganti, beliau berkata, mengambil contoh Macau Scam dan African Scam, kedua-dua sindiket ini mempunyai rangkaian yang besar.

"Walaupun terdapat tangkapan ahli-ahli sindiket ini di Malaysia, wujud kemungkinan untuk sindiket ini merekrut ahli baharu dan menjalankan kegiatan mereka semula. Jadi, usaha untuk membanteras kegiatan mereka terus giat dilaksanakan," katanya.

Takut buat laporan polis

Mazlan menjelaskan, tidak dinafikan masih ada mangsa yang enggan tampil membuat laporan polis selepas masuk perangkap scammer.

Faktornya adalah mereka beranggapan memberi implikasi buruk terhadap keluarga selain bimbang dengan keselamatan diri.


"Sebaiknya mangsa tampil kepada polis dan salur maklumat supaya polis dapat menngesan sindiket ini," katanya.

Tegasnya, pencegahan adalah cara paling berkesan bagi menangani penipuan jenayah komersil yang memabatkan kerugian besar.

FOTO:SHARIFUDIN ABDUL RAHIM



Mazlan menjelaskan kepada wartawan mengenai sindiket scammer yang dibongkarkan polis, baru-baru ini.



JENAYAH PENIPUAN	TAHUN 2017	TAHUN 2018	TAHUN 2019 (JAN-FEB)
	(kes)	(kes)	(kes)
Pembelian Online	5,960	3,326	555
Macau Scam	1,414	2,228	420
African Scam	2,270	1,709	247
Pelaburan	1,000	1,052	137
Pinjaman Tidak Wujud	3,466	4,254	636

STATISTIK KES DAN KERUGIAN 2018

KESALAHAN	JUMLAH KES	KERUGIAN
Tipu	20,255	RM2,198,974,736.98
Salahguna harta dengan curang	54	RM1,395,490.10
Jenayah siber	527	RM30,200,814.56
Pemalsuan	125	RM12,471,112.20
Wang palsu	1,522	RM563,181.09
Ah Long	759	RM8,403,340.05
VCD/DVD tanpa sijil B & lucah	123	
Lain-lain kes	155	RM2,573,249.50
JUMLAH	23,523	RM2,254,581,924.48

STATISTIK OPERASI DAN TANGKAPAN BAGI TAHUN 2018

JENIS OPS	JUMLAH OPERASI	TANGKAPAN (orang)
Ah Long	1,917	571
Pelaburan	360	425
African Scam	1,190	1,251
Belian Online	1,237	1,115
Macau Scam	1,084	2,170
Penipuan Tanah	93	180
VCD/DVD Haram	305	230
Penipuan Kad Kredit	37	47
Penyamaran	120	148
Penipuan Nombor Ramalan	120	155
Penipuan Cek	76	60
Penipuan Cabutan Bertuah/Gores menang	237	117
Wang Palsu	173	157
Penipuan Peraduan SMS	68	65
Pinjaman Tidak Wujud	1,206	2,560
Lain-lain Ops	5,893	4,619
JUMLAH	14,035	13,870